

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

PERSIDANGAN “GEOMATIC AND GEOSPATIAL TECHNOLOGI (GGT) 2016”

Kuala Lumpur, 5 Oktober 2016: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama dengan bahagian Geomatik dan Ukur Tanah (GLS) Pertubuhan Jurukur DiRaja Malaysia (RISM) telah mengadakan satu persidangan antarabangsa bertajuk “Geomatic and Geospatial Technology (GGT) 2016” bertempat di hotel Istana Kuala Lumpur. Persidangan yang berlangsung selama dua hari pada 4-5 Oktober tersebut telah menyediakan satu landasan kepada penyelidik, ahli sains dan pembangun perisian untuk bertemu, berkongsi pengalaman dan berbincang tentang isu-isu dan pendekatan ke arah penyelesaian yang berkaitan dengan data dan maklumat geospasial. Penganjurannya mendapat sokongan yang amat padu daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT), Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) dan syarikat-syarikat swasta yang terdiri daripada pembekal perkakasan, peralatan dan perisian geospasial.

Persidangan ini telah menarik penyertaan hampir 250 orang yang terdiri dari pelbagai ahli profesional dan penyelidik dari pelbagai agensi (awam dan swasta), universiti dan pusat-pusat penyelidikan dari dalam dan luar Negara. Lebih dari 50 kertaskerja teknikal telah dibentangkan semasa persidangan ini. Kertas-kertas kerja ini telah ditapis dan diulas oleh jawatankuasa saintifik antarabangsa yang diwakili oleh pakar-pakar dalam bidang Geomatik, Sistem Maklumat Geografi (GIS), Global Navigation Satellite System (GNSS) dan Remote Sensing dan diterbitkan oleh Copernicus GmbH (yang berpangkalan di

German) untuk International Society of Photogrammetry and Remote Sensing (ISPRS).

Persidangan ini yang buat kali kedua dianjurkan adalah atas dasar untuk terus mengembangkan pengetahuan, teknologi dan pengamalan dalam bidang geomatik dan geospasial bagi memenuhi permintaan komuniti berkepentingan yang semakin kompetitif. Penyediaan data dan perkhidmatan yang berkualiti dilihat semakin menjadi perhatian terutama di dalam suasana yang melibatkan bencana alam yang agak kerap melanda Negara di akhir-akhir ini. Data geospasial menjadi input yang amat penting bagi jurutera, perancang pembangunan, pengawal alam sekitar dan lain-lain di dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan kemampanan pembangunan fizikal Negara. Forum yang melibatkan ahli akademik, industri dan vendor pembekal teknologi seperti yang berjaya diadakan semasa persidangan ini dilihat amat menyumbang kepada kepentingan Negara samada dari segi keselamatan, ekonomi dan juga kemampanan alam sekitar. Ini diterjemahkan di dalam bentuk perbincangan isu teknikal dan juga sosial dengan memanfaatkan sepenuhnya sumber-sumber sokongan kewangan dari pihak kerajaan dan industri di dalam melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sr Mohamad Nor Said MRISM
Associate Professor
Department of Geoinformation,
Faculty of Geoinformation and Real Estate
Universiti Teknologi Malaysia
81310, UTM Johor Bahru
Johor, MALAYSIA
Tel. : +60 7-5530989
HP. : +60 19-7535160